



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**  
**MAJLIS PEMBUKAAN TAHUN PERUNDANGAN 2025**

Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2025 merupakan program tahunan Badan Kehakiman Malaysia sebagai simbolik pembukaan tahun perundangan dan kehakiman di Malaysia. Majlis ini telah berlangsung pada 08 Januari 2025 (Rabu) bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan dihadiri oleh 500 tetamu dari dalam dan luar negara.

Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2025 telah dihadiri oleh anggota Badan Kehakiman Malaysia yang terdiri daripada YAA Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara, YAA Tan Sri Datuk Amar Abang Iskandar bin Abang Hashim, Presiden Mahkamah Rayuan, YAA Dato' Sri Hasnah binti Dato' Mohammed Hashim, Hakim Besar Malaya, YAA Tan Sri Dato' Abdul Rahman bin Sebli, Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Kehakiman.

Turut hadir adalah YABhg. Tun Arifin bin Zakaria, mantan Ketua Hakim Negara, YABhg. Tun Md Raus bin Sharif, mantan Ketua Hakim Negara dan YB Senator Dato' Awang Bemee bin Awang Ali Basah, Yang Di-Pertua Dewan Negara.

Majlis ini turut dihadiri oleh Peguam Besar Negeri Sarawak, Peguam Besar Negeri Sabah, Presiden Badan Peguam Malaysia, Presiden Persatuan Undang-Undang Sabah, Presiden Persatuan Peguam Bela Sarawak, pegawai-pegawai kanan Kerajaan, pegawai-pegawai kehakiman dan perundangan, peguam-peguam serta ahli-ahli akademik dari universiti-universiti tempatan.

Antara tetamu asing yang menghadiri Majlis adalah *Chief Justice of The Supreme Court of The Republic of Indonesia*, *Vice President of The Supreme Judiciary Council*, *The State of Qatar*, *Vice President of The People's Supreme Court of Lao PDR*, *Justice of The Court of Appeal of Singapore*, Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta asing ke Malaysia.

Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2025 telah dimulakan dengan ucapan YBrs. Encik Mohamad Ezri bin Abdul Wahab, Presiden Badan Peguam Malaysia, diikuti dengan ucapan oleh YBhg. Dato' Mohd Dusuki bin Mokhtar, Peguam Negara serta diakhiri dengan ucapan oleh YAA Ketua Hakim Negara, masing-masing menyatakan aspirasi kehakiman dan perundangan bagi tahun 2025 dalam memperkasakan pentadbiran keadilan di Malaysia.

**Disediakan oleh:**

**Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
PUTRAJAYA**

**Tarikh: 08 Januari 2025**